

Contohi ketegasan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Pergerakan Pemuda UMNO hari ini menggesa seluruh rakyat Malaysia mencontohi ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menangani kemelut sosial yang sedang hangat melanda negara.

Wakilnya, Zahari Abdul Wahab berkata, ketegasan Presiden parti dalam menangani masalah dan mengutarakan usul penting untuk kemajuan negara di peringkat antarabangsa adalah teladan terbaik untuk seluruh rakyat bagi menyelesaikan sebarang isu sosial.

"Pendirian Dr. Mahathir terutama ketika persidangan APEC di Bogor, Indonesia baru-baru ini membuktikan ketegasan

beliau walaupun terpaksa menghadapi pelbagai tekanan.

"Ternyata beliau tidak sanggup menggadai masa depan generasi Malaysia semata-mata ghairah bersekongkol dengan negara-negara maju," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa membahaskan usul sosial dan kemasyarakatan yang dibawa oleh Pergerakan Wanita UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini.

Katanya, ketegasan Dr. Mahathir membuatkan negara ini terselamat daripada rempuhan negara maju yang tidak pernah menghormati sempadan budaya dan adat Timur.

"Inilah tahap ketegasan yang ditagih daripada kita semua dalam menangani isu gejala sosial



yang sedang melanda kerana tanpa ketegasan kita tidak mungkin menyelesaikannya dengan mudah.

"Sehubungan itu, seluruh masyarakat mesti berasa terpacu untuk mengatasi gejala tersebut kerana jika isu ekonomi mudah diatasi sudah pasti soal kemasyarakatan juga boleh ditangani bersama," jelas beliau.